

PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN AWAM UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG



Semarak Keluarga, Harmoni Komuniti: Hari Keluarga Mengkuang Heights bersama FKA UiTM

Nurulzatushima binti Abdul Karim, Adhilla bt Ainun Musir, Fairus Azwan bin Azizan, Afifudin Bin Habulat, Zanariah Abd Rahman, Syahirah Binti Mansor, Fuziatul Norsyihah Binti Ahmad Shukri, Nor Hafizah Hanis Abdullah

Pada 25 Februari 2024, satu Program Hari Keluarga yang ceria dan penuh kemeriahan telah dianjurkan di sekitar padang permainan dan dewan Taman Mengkuang Heights (TMH) dengan kerjasama Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA), UiTM Pulau Pinang. Program ini berjaya melibatkan penyertaan dari kira-kira 40 buah rumah, dengan lebih kurang 80 orang penduduk yang terdiri daripada pelbagai lapisan umur, dari kanak-kanak seawal usia 4 tahun hingga dewasa berusia 50 tahun juga 8 orang pensyarah FKA.

Pelbagai aktiviti menarik telah dilaksanakan sepanjang program ini berlangsung. Antara aktiviti sukan yang menjadi tumpuan penduduk termasuklah acara Belon di Kaki, Selipar Muzik, Timbang Bola, Sepak Gol, Kotak Kaki Berjalan, Landing Plane, Belon Pecah di Kerusi, serta permainan menarik untuk pasangan seperti "Makin Jauh Makin Sayang", pertandingan berkumpulan menggunakan Kain Batik dan Kain Pelikat, dan acara khas untuk kanak-kanak di bawah umur 5 tahun seperti kutip gula-gula.



Selain aktiviti sukan dan permainan, pihak pensyarah FKA dari UiTM Pulau Pinang telah menjemput Klinik Kesihatan Berapit untuk turut serta dalam Program Hari Keluarga ini iaitu menawarkan aktiviti kesihatan yang telah mendapat kerjasama sepenuhnya dari penduduk TMH. Petugas kesihatan telah mengadakan sesi pemeriksaan kesihatan seperti pengukuran tahap gula dalam darah, pemeriksaan tekanan darah serta pengiraan Indeks Jisim Tubuh (BMI) bagi memastikan tahap kesihatan penduduk adalah memuaskan dan mencegah obesiti. Turut diadakan sesi kaunseling kesihatan yang memberi peluang kepada penduduk untuk mendapatkan nasihat serta panduan mengenai gaya hidup sihat.



Para pensyarah dari FKA juga terus menunjukkan komitmen kepada penduduk TMH dengan menjalankan pemeriksaan struktur bangunan surau di kawasan perumahan TMH. Inisiatif ini merangkumi proses mengenal pasti kecacatan (defect) struktur, menilai tahap keselamatan bangunan, dan memastikan keselesaan penduduk dalam menggunakan kemudahan surau tersebut. Berdasarkan pemeriksaan awal, beberapa isu struktur telah dikenal pasti dan para pensyarah telah memberikan cadangan teknikal untuk kerja-kerja pembaikan serta baik pulih bagi memastikan bangunan tersebut selamat dan selesa digunakan. Sumbangan kepakaran ini bukan sahaja memberi manfaat kepada komuniti, malah mencerminkan peranan aktif pensyarah dalam menyumbang kepada kesejahteraan dan keselamatan awam. Usaha seperti ini membuktikan bahawa kepakaran akademik yang dimiliki oleh pensyarah FKA, UiTM Pulau Pinang, dapat dimanfaatkan secara terus untuk kesejahteraan masyarakat, sekaligus memupuk budaya ilmu yang bersifat menyumbang dan bertanggungjawab



Turut menjadi tumpuan pada hari tersebut ialah pertandingan khas untuk kanak-kanak sekolah iaitu aktiviti membina jambatan menggunakan batang aiskrim. Aktiviti ini bertujuan untuk memberi peluang kepada para pelajar memahami asas kejuruteraan dalam pembinaan, selain memupuk semangat kerjasama di kalangan mereka dan melatih mereka berfikir secara kreatif dan kritis. Penilaian pertandingan dilakukan berdasarkan kekukuhan serta kreativiti reka bentuk jambatan yang dihasilkan oleh para peserta.

Secara keseluruhannya, program Hari Keluarga ini telah berjaya mengeratkan hubungan silaturahim sesama penduduk selain memupuk semangat kekeluargaan dan kerjasama komuniti bersama institusi pendidikan tinggi seperti UiTM. Program ini turut meningkatkan kesedaran kesihatan di kalangan penduduk serta memberi manfaat besar dalam aspek keselamatan dan keselesaan kemudahan awam taman.

